

PELAN PENUKARAN BAKI AUTOMATIK

Dikemaskini pada 27 Ogos 2021

Terma dan Syarat Pelan Penukaran Baki Automatik (Automatic Balance Conversion Plan) ("**T&S ABC**") ini hendaklah dibaca bersama dengan Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank (193401000023 (97141-X)) ("**HLB**").

TERMA DAN SYARAT

Berikut adalah T&S ABC yang berkenaan.

KELAYAKAN

1. Pelan Penukaran Baki Automatik (Automatic Balance Conversion Plan) ("**ABC**") ini terbuka untuk pemegang kad utama warganegara Malaysia kad kredit HLB ("**Kad Kredit**") sedia ada yang terpilih dan bersesuaian ke atas kriteria berikut ("**Pemegang Kad Layak**"):
 - (a) yang mempunyai akaun Kad Kredit yang mempunyai reputasi baik dan/atau tidak tertunggak;
 - (b) yang dengan pendapatan bulanan dalam rekod yang sama atau kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM 5,000);
 - (c) yang mempunyai Baki Tertunggak minimum dalam akaun Kad Kredit sebanyak Ringgit Malaysia Seribu (RM1,000);
 - (d) yang belum membuat pembayaran penuh Baki Tertunggak dalam akaun Kad Kredit selama dua belas (12) bulan yang lalu; dan
 - (e) yang mempunyai Nisbah Pembayaran yang sama atau kurang dari 10% daripada Baki Tertunggak dalam akaun Kad Kredit selama dua belas (12) bulan yang lalu. Nisbah Pembayaran dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Jumlah pembayaran (12 bulan)}}{\text{Jumlah baki penyata (12 bulan)}}$$

Contoh: Rujuk Lampiran 1

2. Pemegang Kad Layak akan menerima pemberitahuan mengenai pendaftaran Kad Layak secara automatik ke ABC ("**Pemberitahuan Pendaftaran Automatic**") melalui Sistem Pesanan Ringkas ("**SMS**") dan/atau Direct Mailer Elektronik ("**EDM**") dari HLB.
3. ABC adalah berkenaan dengan pelbagai Kad Kredit tertakluk pada kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa 1 dan T&S ABC ("**Kad Layak**").
4. Pemegang Kad berikut TIDAK layak untuk permohonan ABC:
 - a) Pemegang kad utama yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/Hong Leong Islamic Bank Berhad (20050109144 (686191-W)) ("**HLISB**"); atau
 - (a) Pemegang kad utama yang telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas permohonan ABC.
5. HLB berhak untuk membatalkan penyertaan Pemegang Kad Layak daripada memohon ABC jika akaun Kad Kredit mereka disekat atau ingkar.

MEKANIK

6. ABC membolehkan Pemegang Kad Layak membayar Amaun ABC Diluluskan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 9) untuk Kad Layak selama tempoh yang ditetapkan secara ansuran bulanan ("**Tempoh Pembayaran ABC**"). Amaun ABC Diluluskan akan ditukar menjadi pinjaman berjangka dengan kadar faedah efektif yang ditetapkan ("**ABC EIR**") dengan kaedah pembayaran baki pengurangan bulanan. Tempoh Pembayaran ABC dan ABC EIR adalah seperti ditakrifkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

Struktur Harga Mengikut Kumpulan untuk Kad Layak	Tempoh Pembayaran ABC	Kadar Faedah Efektif untuk Pelan ABC (setahun)
15% setahun – 18% setahun	36 bulan	13% setahun (ABC Kadar Faedah Tetap: 7.1% setahun)

7. Amaun ABC Diluluskan akan ditukarkan secara automatik kepada ABC tertakluk kepada syarat-syarat berikut pada tarikh penukaran:
- Pemegang Kad Layak membayar Pembayaran Minimum seperti yang dinyatakan dalam penyata bulanan Kad Kredit mengikut tarikh akhir pembayaran; dan
 - Pemegang Kad Layak terus memenuhi semua kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa 1.
8. Setiap Pemegang Kad Layak hanya berhak mendaftar untuk ABC sekali dalam tempoh dua belas (12) bulan. Tiada fi pemprosesan akan dikenakan untuk program ABC.
9. "**Amaun ABC Diluluskan**" bermaksud jumlah Baki Tertunggak, yang telah diposkan ke dalam akaun Kad Layak dan/atau dibilkan ke penyata bulanan Kad Layak masing-masing. Amaun ABC Diluluskan yang hendak ditukar tidak boleh melebihi jumlah had kredit yang dikenakan kepada Pemegang Kad Layak.
- Untuk mengelakkan keraguan, "**Baki Tertunggak**" termasuk ansuran yang perlu dibayar di bawah program Kad Kredit HLB lain, cth. Extended Payment Plan ("**EPP**"), Pelan Pembayaran Flexi (Flexi Payment Plan) ("**FPP**"), Baki Pindahan (Balance Transfer) ("**BT**"), Baki Pindahan Fi Sekali (Balance Transfer One-Time Fee) ("**BT OTF**"), Quick Cash Fi Sekali (Quick Cash One-Time Fee) ("**QC OTF**"), Quick Cash Faedah Bulanan (Quick Cash Monthly Interest) ("**QC MI**"), dll. prinsipal, faedah, yuran tahunan dan caj lain yang dikenakan oleh HLB dalam penyata Kad Kredit.
10. Jumlah ansuran sedia ada yang perlu dibayar di bawah program Kad Kredit HLB lain, cth. EPP, FPP, BT, BT OTF, QC MI, QC OTF, dll. akan terus dibilkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit masing-masing sehingga semua ansuran yang perlu dibayar telah diposkan sepenuhnya.
11. Pemegang Kad Layak tidak akan diberikan mata ganjaran atau rebat tunai untuk program ABC.
12. Semasa dalam Tempoh Pembayaran ABC, Pemegang Kad Layak akan membayar Amaun ABC Diluluskan dengan cara ansuran bulanan yang sama ("**Ansuran Bulanan ABC**") dan akan dibilkan kepada akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak setiap bulan sehingga tamat Tempoh Pembayaran ABC. Kedua-dua Tempoh Pembayaran ABC dan Ansuran Bulanan ABC tidak dibenarkan berubah.
13. **Amaun Faedah ABC** akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\text{Amaun ABC Diluluskan} \times \text{Kadar Faedah Tetap ABC} \times \text{Tempoh Pembayaran ABC}$$

14. **Ansuran Bulanan ABC** akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$\frac{\text{Amaun ABC Diluluskan} + \text{Amaun Faedah ABC}}{\text{Tempoh Pembayaran ABC}}$$

Contoh

Amaun ABC Diluluskan sebanyak Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000) ditukar kepada ABC untuk Pemegang Kad Layak yang akan dibayar dengan ansuran pada tiga puluh enam (36) bulan dengan ABC EIR sebanyak 13% setahun (Kadar Faedah Tetap ABC pada 7.1% setahun). Berdasarkan contoh ini, Ansuran Bulanan ABC yang perlu dibayar selama tempoh tiga puluh enam (36) bulan adalah Ringgit Malaysia Tiga Ratus Tiga Puluh Enam dan Sembilan Puluh Empat Sen (RM336.94).

Ilustrasi di bawah menunjukkan jumlah pengurangan amaun prinsipal dan jumlah faedah bulanan yang dikenakan atas ABC pada ansuran bulanan masing-masing.

Ilustrasi

Bulan	Prinsipal Asal (RM)	Potongan Prinsipal (RM)	Faedah Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)	Baki Prinsipal (RM)
	(A)	(B)	(C)	D = (B + C)	E = (A - B)
1	10,000.00	228.61	108.33	336.94	9,771.40
2	9,771.40	231.09	105.86	336.94	9,540.32
3	9,540.32	233.59	103.35	336.94	9,306.74
4	9,306.74	236.12	100.82	336.94	9,070.62
5	9,070.62	238.68	98.26	336.94	8,831.95
6	8,831.95	241.27	95.68	336.94	8,590.69
7	8,590.69	243.88	93.07	336.94	8,346.82
8	8,346.82	246.53	90.42	336.94	8,100.31
9	8,100.31	249.19	87.75	336.94	7,851.12
10	7,851.12	251.89	85.05	336.94	7,599.24
11	7,599.24	254.62	82.32	336.94	7,344.63
12	7,344.63	257.38	79.57	336.94	7,087.26
13	7,087.26	260.17	76.78	336.94	6,827.10
14	6,827.10	262.99	73.96	336.94	6,564.12
15	6,564.12	265.83	71.11	336.94	6,298.29
16	6,298.29	268.71	68.23	336.94	6,029.58
17	6,029.58	271.63	65.32	336.94	5,757.96
18	5,757.96	274.57	62.83	336.94	5,483.40
19	5,483.40	277.54	59.40	336.94	5,205.87
20	5,205.87	280.55	56.40	336.94	4,925.32
21	4,925.32	283.59	53.36	336.94	4,641.74
22	4,641.74	286.66	50.28	336.94	4,355.08
23	4,355.08	289.77	47.18	336.94	4,065.32
24	4,065.32	292.91	44.04	336.94	3,772.42
25	3,772.42	296.08	40.87	336.94	3,476.35
26	3,476.35	299.29	37.66	336.94	3,177.07

Bulan	Prinsipal Asal (RM)	Potongan Prinsipal (RM)	Faedah Bulanan (RM)	Ansuran Bulanan (RM)	Baki Prinsipal (RM)
	(A)	(B)	(C)	D = (B + C)	E = (A - B)
27	3,177.07	302.53	34.42	336.94	2,874.55
28	2,874.55	305.81	31.14	336.94	2,568.75
29	2,568.75	309.12	27.83	336.94	2,259.63
30	2,259.63	312.47	24.48	336.94	1,947.17
31	1,947.17	315.85	21.09	336.94	1,631.32
32	1,631.32	319.27	17.67	336.94	1,312.05
33	1,312.05	322.73	14.21	336.94	989.32
34	989.32	326.23	10.72	336.94	663.09
35	663.09	392.76	7.18	336.94	333.33
36	333.33	333.34	3.61	336.94	0.00

15. Setiap Ansuran Bulanan ABC yang dibayar akan memulihkan had kredit sedia ada secara progresif. Had kredit sedia ada akan dipulihkan sepenuhnya setelah Amaun ABC Diluluskan dibayar dengan sepenuhnya.
16. Pemegang Kad Layak hendaklah membayar sepenuhnya Ansuran Bulanan ABC yang tetap mengikut tarikh akhir pembayaran. Ansuran Bulanan ABC adalah sebahagian daripada Pembayaran Minimum bulanan yang dinyatakan dalam penyata bulanan Kad Kredit. "**Pembayaran Minimum**" ditakrifkan sebagai:
 - (a) 5% daripada Baki Tertunggak di dalam akaun Kad Kredit yang dibilkan ke dalam penyata bulanan Kad Kredit bersama dengan Ansuran Bulanan ABC; atau
 - (b) Ringgit Malaysia Lima puluh (RM50) yang mana lebih tinggi.
17. Sekiranya Pemegang Kad Layak gagal membuat Pembayaran Minimum mengikut tarikh akhir pembayaran, caj pembayaran lewat sebanyak 1% akan dikenakan ke atas Baki Tertunggak dan Ansuran Bulanan ABC yang perlu dibayar seperti yang ditunjukkan dalam penyata bulanan Kad Kredit, tertakluk kepada minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), atau maksimum Ringgit Malaysia Seratus (RM100), mana yang lebih tinggi.
18. Pemegang Kad Layak boleh tarik diri daripada program ABC dengan membalas NB <jarak> 4 digit terakhir nombor Kad Kredit melalui SMS ke 66600 ("**Pemberitahuan Tarik Diri**") jika Pemegang Kad Layak tidak ingin Baki Tertunggak mereka ditukar kepada ABC dalam jangka masa yang dinyatakan dalam Pemberitahuan Pendaftaran Automatik. Setelah HLB menerima Pemberitahuan Tarik Diri dari Pemegang Kad Layak, HLB tidak akan meneruskan penukaran Baki Tertunggak kepada ABC.
19. Pemegang Kad Layak diberi tempoh bertenang selama tiga puluh (30) hari ("**Tempoh Bertenang**") untuk pelaksanaan penukaran ABC yang pertama tanpa dikenakan penalti untuk pembatalan ABC. Untuk pelaksanaan penukaran yang berikutnya, Pemegang Kad Layak diberi peluang untuk menarik diri daripada program ABC sebelum penukaran bermula.
20. Jika Pemegang Kad Layak telah menarik diri tetapi kemudiannya ingin mendaftar untuk program ABC ini, Pemegang Kad Layak boleh menghubungi Pusat Perhubungan HLB untuk memohon ABC, tertakluk kepada kelulusan HLB. Pemegang Kad Layak akan diberitahu sama ada melalui surat, e-mel atau SMS berdasarkan alamat surat-menyurat/e-mel dan nombor telefon tertera dalam sistem HLB apabila permohonan mereka telah diluluskan.

21. Apabila berlaku salah satu daripada peristiwa berikut:
- (a) Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana T&S ABC serta terma dan syarat dalam Perjanjian;
 - (b) Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak ingkar selama sembilan puluh (90) hari ke atas; dan/atau
 - (c) Akaun Kad Kredit Pemegang Kad Layak dibatalkan atau ditamatkan sebelum tamat Tempoh Pembayaran ABC,

baki Amaun ABC Diluluskan yang belum dibayar akan serta-merta menjadi terhutang dan perlu dibayar. Pemegang Kad Layak hendaklah menyelesaikan baki Amaun ABC Diluluskan yang belum dibayar dengan segera. Jika tidak, baki Amaun ABC Diluluskan yang belum dibayar akan dikenakan faedah berdasarkan Struktur Harga Mengikut Kumpulan.

22. Sekiranya Pemegang Kad Layak ingin membatalkan ABC selepas Tempoh Bertenang atau menyelesaikan baki Amaun ABC Diluluskan yang belum dibayar sebelum tamat Tempoh Pembayaran ABC:
- (a) Pemegang Kad Layak dikehendakkan memberikan notis awal sekurang-kurangnya satu (1) bulan kepada HLB dan terus membayar Ansuran Bulanan ABC sehingga jumlah amaun penyelesaian dibilkan kepada Pemegang Kad Layak dan ditunjukkan dalam penyata Kad Kredit bulan berikutnya; dan
 - (b) Pemegang Kad Layak diminta untuk menyelesaikan Baki Tertunggak yang dibilkan ke dalam penyata Kad Kredit untuk bulan yang terlibat.

AM

23. Dengan mendaftar untuk ABC atau terus menyertai program ABC, Pemegang Kad Layak bersetuju:
- (a) untuk membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S ABC di sini;
 - (b) bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan ABC adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pemegang Kad Layak;
 - (c) untuk mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Web HLB**") secara kerap untuk menyemak T&S untuk ABC dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S ABC; dan
 - (d) Memberi kuasa kepada HLB untuk mendedahkan data peribadi iaitu alamat surat-menyurat, alamat e-mel dan/atau nombor hubungan kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang disahkan oleh HLB, cth. Compugraphic Media Sdn Bhd (200001002485 (505090-W)), Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCATALYST Sdn Bhd (200801017996 (819292-U)) sebagaimana yang difikirkan oleh HLB untuk menghantar surat, e-mel dan/atau SMS untuk tujuan permohonan ABC.
24. HLB berhak:
- (a) untuk menolak permohonan ABC yang dikemukakan oleh Pemegang Kad Layak;
 - (b) untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak daripada memohon ABC; dan
 - (c) untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S ABC yang terkandung di sini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB melalui paparan di Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberikan notis terdahulu.
25. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Layak bersetuju bahawa terma dan syarat am di dalam Perjanjian hendaklah dibaca bersama dengan T&S ABC ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ABC ini dengan terma dan syarat am yang terkandung di dalam Perjanjian, terma and syarat khusus ABC di sini akan diguna pakai setakat perbezaan tersebut.

26. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ABC di sini berbanding dengan mana-mana bahan pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubungan dengan ABC, T&S ABC di dalam Laman Web HLB adalah muktamad dan hendaklah diutamakan.
27. T&S ABC ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Lampiran 1

Senario Nisbah Bayaran yang Layak/Tidak Layak

Cust	Month	Past 12 Months	Past 11 Months	Past 10 Months	Past 9 Months	Past 8 Months	Past 7 Months	Past 6 Months	Past 5 Months	Past 4 Months	Past 3 Months	Past 2 Months	Past 1 Month	Current month Average past 12 Months Payratio	ABC Eligibility	Remarks
A	Pay ratio	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	Yes	
B	Pay ratio	5%	50%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	1%	1%	8.1%	Yes	
C	Pay ratio	3%	4%	5%	1%	1%	3%	100%	1%	1%	1%	2%	2%	10%	No	Full payment was made for 1 month in the past 12 months
D	Pay ratio	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	5%	0%	4.6%	No	No payment made last month
E	Pay ratio	5%	5%	5%	10%	8%	5%	5%	5%	80%	5%	5%	5%	12%	No	Average Pay Ratio >10% in the past 12 months

Definition :

$$\text{Pay Ratio} = \frac{\text{Total Payment}}{\text{Total Statement Balance}}$$

Example :

5% - Made minimum payment

0% - No payment made

100% - Full payment made